

Headline **Atlit pentingkan pelajaran lebih kualiti**
Date **14. Apr 2008** Language **MALAY**
Media Title **Berita Harian** Page No **10**
Section **Nasional** Article Size **159** cm2
Circulation **217920** Frequency **Daily**
Readership **2083000** Color **Full Color**



Atlit pentingkan pelajaran lebih berkualiti

PELUANG yang diberikan kepada pelapis atlit negara melanjutkan pengajian ke universiti tempatan, Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Universiti Teknologi Malaysia (UTM) melalui program prauniversiti kepada lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) di dua sekolah sukan bagi sesi ambilan Julai adalah tindakan bijak yang wajar disokong.

Walaupun pada peringkat awal hanya 60 tempat ditawarkan kepada dua sekolah sukan, ia adalah permulaan baik untuk memartabatkan sukan tanah air.

Pada saya, tindakan yang dilaksanakan ini sebenarnya adalah satu usaha menghargai bakat sukan golongan pelapis yang kadang-kala kurang mendapat perhatian.

Natijahnya, hingga ke hari ini, bakat sukan di kalangan anak tidak begitu mendapat dorongan daripada ibu bapa dan ahli keluarga sendiri. Hanya mereka yang didorong keluarga, akan bertambah maju.

Sukan, seolah-olah tidak menjanjikan kehidupan yang baik pada masa depan bagi kebanyakan kita. Sikap skeptikal di kalangan ibu bapa ini ada betulnya, kerana jelas dilihat, 'bekerja' dalam bidang sukan ini tidak mendapat 'penghormatan' yang setimpal dengan usaha, berbanding pembabitan dalam bidang profesional seperti doktor, peguam dan jurutera.

Malah, ada ibu bapa yang risau melihat anak aktif bersukan. Alasan 'jika bersukan akan lupa pelajaran' memang munasabah, kerana kesannya, jika seseorang pelajar itu aktif bersukan dan tidak mendapat keputusan peperiksaan akademik yang baik, mereka hanya akan bersukan hingga ke Tingkatan Lima.

Ibu bapa mana yang tidak risau jika ini berlaku. Dengan tindakan baru ini, wajarnya setiap anak yang berbakat itu diketengahkan. Bahkan, aliran sukan boleh dijadikan aliran arus perdana, dan tidaklah dikatakan nanti atlit Malaysia 'kelas rendah' kerana hanya boleh bersukan, tetapi tidak berpelajaran tinggi.

Di negara barat seperti di United Kingdom, aliran yang berbeza dibahagikan seawal di sekolah rendah mengikut zon. Anak yang berbakat dalam apa juga bidang akan berpeluang mengasah bakat mereka sejak kecil lagi. Namun, mungkin model ini kurang sesuai dengan budaya Malaysia.

Justeru, saya melihat pelajar kebanyakannya matang pada usia 17 hingga 18 tahun, serta sudah mula mengenal pasti bakat, keupayaan diri dan hala tuju hidup. Memberi laluan yang sewajarnya kepada mereka dalam usia ini adalah langkah yang wajar.

SITI SURIANI OTHMAN,
Nottingham Trent University,
United Kingdom.